

Sime Darby Property Umumkan Perjanjian Pemegang Saham dengan LOGOS Property Group Bagi Memperkenalkan Platform Pengurusan Dana Untuk Membangunkan Aset Industri & Logistik di Malaysia

- *Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang meneroka dana pembangunan dalam sektor Perindustrian & Logistik dengan pemain industri global utama, LOGOS Property;*
- *Perjanjian Pemegang Saham untuk mewujudkan platform pengurusan dana yang fokus kepada pengembangan dan pelaburan dalam 'pembangunan aset untuk disewa atau dijual', terutamanya dalam sektor logistik.*

SELANGOR / SINGAPURA / SYDNEY, 29 SEPTEMBER 2021 – Sime Darby Property Berhad (“**Sime Darby Property**”) hari ini telah mengumumkan penandatanganan Perjanjian Pemegang Saham dengan LOGOS SE Asia Pte. Ltd. (“**LOGOS Property**”), pakar logistik Asia Pasifik terkemuka dengan ‘Aset di bawah Pengurusan’ (“Assets Under Management” atau “**AUM**”) melebihi US\$17 bilion. Perjanjian Pemegang Saham ini bertujuan untuk mengatur hubungan kedua-dua pihak sebagai pemegang saham dalam syarikat usaha sama bernama Industrial Joint Venture (Holdings) Pte. Ltd. (“**syarikat usaha sama**”) yang akan membentuk platform pengurusan dana bagi menguruskan dana untuk sektor logistik, dan juga untuk menyediakan perkhidmatan pembangunan.

Sime Darby Property akan memegang 51% ekuiti dalam syarikat usaha sama yang akan dilancarkan dan menjadi pemaju tersenarai awam pertama di Malaysia yang akan menceburii bidang penciptaan dana pembangunan dalam sektor Perindustrian & Logistik. Ekuiti saham selebihnya, sebanyak 49% akan dipegang oleh LOGOS Property. Syarikat usaha sama ini akan memanfaatkan sinergi antara kedua-dua syarikat – pengalaman dan rekod Sime Darby Property dalam sektor harta tanah Malaysia bersama dengan bank tanahnya yang luas dan strategik, serta pengalaman LOGOS Property dalam pengurusan dana dan mengembangkan penyelesaian harta tanah di sektor logistik.

LOGOS Property adalah pakar logistik Asia Pasifik yang menguruskan semua aspek harta tanah logistik, termasuk pengurusan pelaburan, sumber tanah atau kemudahan, serta berkecimpung dalam pembangunan dan pengurusan aset bagi pihak pelabur-pelabur harta tanah global terkemuka di dunia. LOGOS Property mempunyai operasi di 10 negara di rantau Asia Pasifik dan

mempunyai portfolio yang merangkumi lebih daripada 8.9 juta meter persegi harta tanah yang dimiliki dan sedang dibangunkan melalui 26 kegiatan usaha sama.

Syarikat usaha sama ini akan fokus kepada pembangunan aset untuk disewa atau dijual, terutamanya untuk pelanggan di sektor logistik. Untuk tujuan ini, Sime Darby Property telah memperuntukkan kawasan seluas 177 ekar di perbandaran Bandar Bukit Raja di Klang, Selangor untuk menerajui pembangunan tersebut. Bandar Bukit Raja dipilih untuk memanfaatkan kedudukannya sebagai perbandaran industri yang mapan memandangkan hubungannya yang strategik dengan semua infrastruktur penting di Lembah Klang (i.e., lebuh raya utama, pelabuhan, lapangan terbang). Pengalaman LOGOS Property dalam menyediakan penyelesaian logistik yang lestari dan bersepadu dengan perakuan bangunan hijau akan dilaksanakan di kemudahan-kemudahan ini, serta penyediaan teknologi automasi dan pembinaan gudang / logistik terkini.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato' Azmir Merican berkata, kerjasama strategik ini merupakan langkah penting dalam evolusi syarikat untuk menjadi pembangun harta tanah dengan aliran pendapatan berulang yang lebih luas menjelang 2025.

"Penyediaan platform pengurusan dana adalah sebahagian daripada strategi penciptaan nilai yang diperkenalkan oleh Sime Darby Property untuk memperluaskan aliran pendapatan Sime Darby Property di pasaran hari ini. Kami berbesar hati dapat bekerjasama dengan LOGOS Property dan memanfaatkan sinergi kedua-dua syarikat untuk mengembangkan aset pelaburan bernilai di Malaysia."

"Sejak tahun lalu, pertumbuhan dalam sektor e-dagang yang didorong oleh aktiviti atas talian yang meningkat sewaktu pandemik COVID-19 telah mencipta keperluan dalam pasaran untuk kemudahan-kemudahan seperti gudang yang berkualiti. Pasaran juga memerlukan produk logistik, infrastruktur dan kecekapan yang lebih baik dalam pengurusan rantai bekalan. Produk utama yang akan kami tawarkan melalui platform pengurusan dana ini telah dikenalpasti untuk menyokong rangkaian e-dagang tempatan dan serantau melalui lokasi strategik pembangunan yang mempunyai akses mudah ke lebuh raya utama dan sambungan ke pelabuhan dan lapangan terbang," katanya.

LOGOS



David Aboud, Ketua LOGOS Property Malaysia menambah, "Kami berbesar hati dapat bekerjasama dengan pemaju harta tanah terkemuka di Malaysia, Sime Darby Property dalam usaha sama baru ini. Sektor logistik Asia Pasifik telah mengalami pertumbuhan pesat selama beberapa tahun kebelakangan yang telah disokong oleh peningkatan dalam sektor e-dagang, pembuatan dan kepelbagaiannya ke rantaian bekalan yang terdesentralisasi. Di Malaysia, ini dapat dilihat melalui peningkatan permintaan daripada pelanggan multi-nasional dan domestik untuk ruang logistik berkualiti tinggi di pasaran yang masih boleh diperkembangkan. Di samping itu, sektor logistik masakini sedang mengalami pertumbuhan dari segi pemodenan dan pencanggihan dalam spesifikasi binaan yang dituntut oleh pengguna, termasuk penyediaan teknologi automasi yang merupakan ciri penting bagi pasaran Malaysia."

"Dalam menyatukan pengalaman dan rekod Sime Darby Property di pasaran harta tanah Malaysia, bank tanah yang luas dan strategik, serta rekod LOGOS Property yang terbukti dalam memberikan penyelesaian logistik yang lestari dan bersepadu, kami berharap dapat memenuhi permintaan pasaran dan menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan," katanya.

Pengumuman kepada Bursa Malaysia yang berkaitan berita ini telah dilampirkan untuk pengedaran bersama dengan siaran akhbar ini.

- TAMAT SIARAN -

About Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property is a leading property developer with a strong success rate of developing sustainable communities for over 48 years. With 24 active townships/developments, Sime Darby Property has a wide reach that encompasses assets and operations across the country. It marks its presence in the UK as part of a Malaysian consortium to develop the iconic Battersea Power Station Project in central London.

As a responsible corporate player, Sime Darby Property and its philanthropic arm Yayasan Sime Darby (YSD) actively roll out various initiatives to assist the underprivileged communities living within and nearby its townships nationwide. A multi award-winning property group with numerous international and local accolades, Sime Darby Property is the only Malaysian property developer to be rated by the Carbon Disclosure Project for carbon management and stakeholder engagement.

It is also the first Malaysian property developer to be awarded the International FIABCI Prix d'Excellence Awards twice for its Subang Jaya and UEP Subang Jaya townships. The company bagged its 10th consecutive Gold at the Putra Brand Awards 2019 and its 9th Top 10 Developers Awards at the BCI Asia 2020. Sime Darby Property has also been recognised as among the top developers in Malaysia in the annual The Edge Top Property Developers Awards, a recognition which the company consistently receives since 2009. For more information, log on to www.simedarbyproperty.com.

Media Contact: Hafiz Noor | +6019-424 8283 | hafiz.noor@simedarbyproperty.com

About LOGOS

LOGOS



LOGOS is a dynamic and growing logistics specialist with operations across Australia, China, Singapore, Indonesia, Malaysia, Vietnam, India and New Zealand. LOGOS' shareholders include ARA Asset Management, the largest Asia Pacific real assets manager with US\$95 billion in gross assets under management globally; Ivanhoé Cambridge, a Canadian real estate industry leader investing in high-quality properties and companies with C\$60.4 billion in real estate assets globally; and LOGOS' founders.

LOGOS manages every aspect of logistics real estate, including investment management, sourcing land or facilities and undertaking development and asset management, on behalf of some of the world's leading global real estate investors. LOGOS has total Assets Under Management (AUM) of over US\$17 billion, comprising over 8.9 million sqm of property owned and under development across 26 ventures, including the Singapore listed ARA LOGOS Logistics Trust.

Media Contact: Rachel Mornington-West | +61 434 604 590 | rachelmwest@logosproperty.com

Disclaimer: This press release is made in connection with Sime Darby Property's announcement to Bursa Malaysia Securities Berhad and does not and shall not constitute an offer, invitation, promotion or solicitation to invest or subscribe for interests in any fund in any jurisdiction.